

16 MAY 2002

Ghani-Umno

UMNO JOHOR PERGIAT USAHA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG

JOHOR BAHRU, 16 Mei (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Johor akan memperkukuhkan jentera parti di semua peringkat bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang, kata pengerusinya Datuk Abdul Ghani Othman hari ini.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor berkata, beberapa langkah persiapan ke arah pilihan raya umum seperti kempen-kempen penerangan dan penambahan keanggotaan telah pun dirangka untuk dilaksanakan.

"Kita akan memperhebatkan usaha bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini.

Umno negeri kata beliau, akan mempergiatkan usaha-usaha penerangan meliputi anggotanya di peringkat akar umbi serta kepada beberapa kumpulan sasar yang bergiat di peringkat bahagian.

Selain itu mereka juga akan berusaha bagi mewujudkan sekurang-kurangnya 20 bahagian Puteri Umno di negeri ini sebagai salah satu cara untuk meningkatkan keanggotaan cabang parti yang terbaru itu, kata Ghani.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 10,000 anggota Puteri Umno di Johor.

Katanya, suasana politik negara pada masa ini menunjukkan Umno berada di landasan yang kukuh sementara kerajaan BN yang memerintah negara diterima oleh rakyat dengan amat baik.

Johor yang merupakan kubu kuat Umno kata beliau, akan sentiasa berusaha keras serta tidak mengambil ringan ancaman dari parti-parti pembangkang bagi memastikan rekod cemerlangnya kekal di negeri ini.

Ghani juga menyatakan Konvensyen BN Johor akan diadakan pada 18 Julai depan bagi memupuk usaha-usaha bersama di antara parti-parti komponen untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Konvensyen sehari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu kata beliau, Konvensyen Wanita Umno juga akan dianjurkan pada 30 dan 31 Mei ini diikuti Konvensyen Pemuda Umno Johor pada 2 Jun depan.

Ghani berkata, Konvensyen Umno Johor akan berlangsung selama tiga hari dari 7 hingga 9 Jun depan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden parti dijadual merasmikannya.

-- BERNAMA

MHI PR